

# Ahmad Bin Ya'qub Al-Johori dan Idea Pendidikan Perempuan Dalam Kerajaan Johor

## *Ahmad Bin Ya'qub Al-Johori and the Idea of Girl's Education in the Johor Government*

**Noorilham Ismail** (Corresponding Author)

Independent Researcher, No 135 Jalan Makmur Blok 12 Felda Lok Heng Selatan  
81900 Kota Tinggi, Johor, Malaysia  
E-mail: noorilham\_ismail@yahoo.com

**Mohd Kasturi Nor Abd Aziz**

Centre for Liberal Sciences (CLS), Faculty of Applied and Human Sciences, Universiti Malaysia Perlis  
02600 Arau, Perlis, Malaysia  
E-mail: kasturi@unimap.edu.my

### Abstrak

Kajian ini menumpukan perbincangan kepada idea pendidikan untuk golongan perempuan menurut Ahmad bin Ya'qub Al-Johori yang diterima dalam kandungan sekolah agama kerajaan Johor. Objektif utama dalam kajian ini adalah untuk mengetengahkan idea pendidikan Al-Johori seperti yang terkandung dalam dua buah karyanya iaitu Kitab Adab Perempuan Juzuk Yang Pertama dan Kitab Adab Perempuan Juzuk Yang Kedua. Kajian ini juga ingin memperlihatkan bahawa idea-idea Al-Johori mengenai pendidikan golongan perempuan adalah penting apabila perkara tersebut telah diterima oleh masyarakat melalui pengajaran yang berlangsung untuk murid-murid perempuan di sekolah agama Johor sekitar 1920-an hingga 1930-an. Untuk kajian ini, kaedah penyelidikan arkib telah digunakan bagi menganalisis setiap perbincangan selain penggunaan karya Al-Johori sebagai rujukan utama. Sumber-sumber daripada Arkib Negara Malaysia Cawangan Johor itu terdiri daripada fail Jabatan Agama Islam, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, di samping fail-fail dari Pejabat Kadi terpilih. Dokumen primer itu telah disusun, diolah, dianalisis dan dikemukakan sebagai bukti hujahan dalam setiap isu yang dibincangkan. Dalam masa yang sama, kajian ini turut mengambil kira penggunaan sumber-sumber sekunder yang terdiri daripada tesis, buku dan jurnal bagi penyusunan kronologi perbincangan. Pada akhirnya, kajian ini sampai kepada kesimpulan bahawa karya oleh Al-Johori adalah penting apabila penulisan tersebut dijadikan sebagai idea pendidikan untuk golongan perempuan bagi menghasilkan masyarakat yang diperkuatkan dengan ilmu pengetahuan.

**Kata kunci:** Ahmad bin Ya'qub Al-Johori, idea pendidikan, perempuan, sekolah agama, kerajaan Johor

### Abstract

*This study focuses on Ahmad bin Ya'qub Al-Johori's educational ideas for female students, which is accepted in the curriculum of Johor government religious*

*schools. The primary goal of this research is to highlight the idea of Al-Johori education as found in two of his works, Kitab Adab Perempuan Juzuk Yang Pertama and Kitab Adab Perempuan Juzuk Yang Kedua. This study also aims to demonstrate the importance of Al-Johori's ideas on women's education when the issue has been accepted by the community through teaching for female students in Johor religious schools from the 1920s to the 1930s. In this study, archival research methods were used to analyse each discussion, as well as Al-Johori's work as the primary reference. The Johor Branch of the National Archives of Malaysia houses files from the Islamic Religious Department, the Johor State Secretary's Office, and selected Kadi's Offices. In each issue discussed, the primary documents were compiled, processed, analysed, and presented as evidence of argument. Simultaneously, this study considers the use of secondary sources such as theses, books, and journals for the chronological arrangement of discussions. Finally, this study concluded that Al-Johori's work is significant when used as an educational idea for women in order to produce a society that is strengthened with knowledge.*

**Keywords:** *Ahmad bin Ya'qub Al-Johori, educational ideas, women, religious school, Johor government*

### Pengenalan

Pendidikan merupakan satu alat yang disediakan oleh kerajaan Johor sebelum Perang Dunia Kedua untuk membentuk masyarakat yang seimbang daripada segi spiritual mahupun sahsiah fizikal. Ruang lingkup pendidikan tersebut telah diberikan dengan adil tanpa mengira jantina lelaki atau perempuan pada masa itu. Usaha ini bertitik tolak daripada kesedaran Maharaja Abu Bakar dalam menyediakan pengisian sebuah pemodenan dalam kerajaan Johor sebelum diteruskan oleh anakandanya, Sultan Ibrahim. Tindakan ini bukanlah satu retorik kerana banyak institusi pendidikan terutamanya sistem persekolahan agama telah diwujudkan bagi memastikan pendidikan ke atas

murid-murid tidak terlepas daripada nilai Islam. Hal ini turut dilakukan atas sebab meluasnya pengaruh Barat kesan daripada imperialism British dan kemodenan budaya yang muncul ketika itu (Rahimah, 1997). Dalam hal ini, muncullah seorang yang bernama Ahmad Bin Ya'qub al-Johori yang telah terlibat dalam menyediakan bahan pendidikan khususnya untuk murid-murid perempuan di peringkat Sekolah Agama Johor pada tempoh sebelum Perang Dunia Kedua.

Ahmad Ya'qub al-Johori (2018) merupakan anak jati kelahiran Johor pada tahun 1891 dan mendapat pendidikan awal di sekolah Melayu di Sungai Durian Kukup, Pontian, Johor. Sepanjang hayatnya, beliau pernah menyandang jawatan penting seperti Pemeriksa Sekolah-sekolah Agama Johor. Sebelum itu, beliau berkhidmat sebagai Guru Besar di Sekolah Tambatan Rendah, Johor Bahru. Beliau telah menghasilkan beberapa penulisan seperti:

1. *Kitab Adab Perempuan – Juzu' Yang Pertama*.
2. *Kitab Adab Perempuan – Juzu' Kedua*.
3. *Kitab Adab Perempuan – Juzu' Yang Ketiga*.
4. *Lidah Melayu*.
5. *Kitab Isra' dan Mi'raj*.

Jadual 1.1: Kitab Adab Perempuan: Juzu' Yang Pertama

Pelajaran Yang Pertama: Adab
Pelajaran Yang Kedua: Fa'idah Adab
Pelajaran Yang Ketiga: Adab Kepada Ibu Bapa
Pelajaran Yang Keempat: Adab Kepada Sekalian Saudara-Saudara
Pelajaran Yang Kelima: Adab Kepada Qawm Qarabat
Pelajaran Yang Keenam: Adab Kepada Jiran-Jiran
Pelajaran Yang Ketujuh: Adab Di Dalam Rumah
Pelajaran Yang Kelapan: Adab Di Dalam Sekolah
Pelajaran Yang Kesembilan: Adab Kepada Guru
Pelajaran Yang Kesepuluh: Adab Kepada Sekalian Murid-Murid
Pelajaran Yang Kesebelas: Adab Bersahabat
Pelajaran Yang Kedua Belas: Adab Muka
Pelajaran Yang Ketiga Belas: Membersihkan Mata Dan Membaikkan Pandangan
Pelajaran Yang Keempat Belas: Adab Mulut

## 6. Panduan Mengajar.

Walau bagaimanapun, kajian ini akan memberi tumpuan kepada kitab Adab Perempuan Juzu' Yang Pertama dan Kedua yang telah ditulis oleh beliau lalu dijadikan rujukan untuk murid-murid perempuan dalam Sekolah Agama Johor. Pada dasarnya, kedua-dua kitab ini mengandungi maklumat mengenai pembentukan adab untuk murid-murid perempuan yang bersekolah dalam Sekolah Agama Johor. Mereka dikehendaki untuk mendalami isi kandungan bagi membina sahsiah sebagai perempuan dan berguna untuk mereka menjalani kehidupan berumah tangga. Namun begitu, kandungan dalam kedua-dua kitab ini turut mencakupi soal pengurusan diri, sains pemakanan dan ilmu berkaitan kemasyarakatan seperti yang ditunjukkan dalam jadual 1.1 dan 1.2. Perkara ini menunjukkan bahawa cakupan ilmu pengetahuan hasil tulisan Ahmad Ya'qub al-Johori dalam kedua-dua kitabnya itu sememangnya bersifat holistik selaras dengan isi kandungan kitab tersebut. Justeru, tidak hairanlah apabila kedua-dua kitab ini menjadi bahan rujukan murid-murid perempuan di Sekolah Agama Johor khususnya sewaktu mereka menduduki Darjah Satu hingga Darjah Empat (J/UG 1 1939).

Pelajaran Yang Kelima Belas: Adab Hidung
Pelajaran Yang Keenam Balas: Adab Telinga
Pelajaran Yang Ketujuh Belas: Adab Kedua Tangan
Pelajaran Yang Kelapan Belas: Adab Rambut
Pelajaran Yang Kesembilan Belas: Adab Kepala
Pelajaran Yang Kedua Puluh: Adab Duduk
Pelajaran Yang Kedua Puluh Satu: Adab Berjalan
Pelajaran Yang Kedua Puluh Dua: Adab Tidur
Pelajaran Yang Kedua Puluh Tiga: Adab Makan
Pelajaran Yang Kedua Puluh Empat: Segala Minuman Dan Minum Yang Mensihatkan
Pelajaran Yang Kedua Puluh Lima: Adab Pakaian
Pelajaran Yang Kedua Puluh Enam: Adab Perhiasan
Pelajaran Yang Kedua Puluh Tujuh: Adab Riyadah
Pelajaran Yang Kedua Puluh Lapan: Adab Melawat
Pelajaran Yang Kedua Puluh Sembilan: Adab Berkata-Kata
Pelajaran Yang Ketiga Puluh: Adab Agama

**Sumber:** Ahmad bin Ya'qub Al-Johori. 2018. *Kitab Adab Perempuan Juzu' Yang Pertama*. Kuala Lumpur: Akademi Jawi Malaysia.

Jadual 1.2: Kitab Adab Perempuan (Juzuk Yang Kedua)

Pelajaran Yang Pertama: Kahwin
Pelajaran Yang Kedua: Memilih Suami Yang Setara
Pelajaran Yang Ketiga: Haqq Isteri Yang Wajib Di Atas Suami
Pelajaran Yang Keempat: Haqq-Haqq Suami Yang Wajib Di Atas Suami
Pelajaran Yang Kelima: Talaq
Pelajaran Yang Ketujuh: Mendidik Anak-Anak
Pelajaran Yang Kedelapan: Mendidik Kanak-Kanak Yang Di Dalam Kandungan Ibunya
Pelajaran Yang Kesembilan: Kanak-Kanak Yang Baharu Ada
Pelajaran Yang Kesepuluh: Makanan Kanak-Kanak
Pelajaran Yang Kesebelas: Panduan Ibu Yang Menyusu
Pelajaran Yang Kedua Belas: Peraturan Menyusu
Pelajaran Yang Ketiga Belas: Bagaimana Kelakuan Menyusukan Kanak-Kanak
Pelajaran Yang Keempat Belas: Peraturan Kerana Memilih Orang Yang Menyusukan

Pelajaran Yang Kelima Belas: Menyusu Dengan Susu Yang Diperbuat
Pelajaran Yang Keenam Belas: Bercungkil Atau Bertanam Cacar
Pelajaran Yang Ketujuh Belas: Menceraikan Susu
Pelajaran Yang Kedelapan Belas: Makanan Kanak-Kanak Yang Di Dalam Masa Dua Tahun Yang Pertama Daripada Diperanakkkan
Pelajaran Yang Kesembilan Belas: Memandikan Kanak-Kanak Dengan Air Panas Dan Membersihkan Dia
Pelajaran Yang Kedua Puluh: Pakaian Yang Terlebih Munasabah Kepada Kanak-Kanak
Pelajaran Yang Kedua Puluh Satu: Tidur, Tilam dan Tempat Kanak-Kanak Itu
Pelajaran Yang Kedua Puluh Dua: Riyadah “Exercise” Kanak-Kanak Itu Dengan Dibawa Keluar Pada Tempat-Tempat Udara Yang Baik.
Pelajaran Yang Kedua Puluh Tiga: Tangis Kanak-Kanak
Pelajaran Yang Kedua Puluh Empat: Duduk, Berdiri, Berjalan Kanak-Kanak
Pelajaran Yang Kedua Puluh Lima: Didikan Adab
Pelajaran Yang Kedua Puluh Enam: Suruhan Pada Membuat Kerja-Kerja Dengan Sendiri
Pelajaran Yang Kedua Puluh Tujuh: Mengatur dan Membersihkan Perkakas Rumah
Pelajaran Yang Kedua Puluh Lapan: Fa’idah Kesihatan Yang Berkenaan Dengan Rumah
Pelajaran Yang Kedua Puluh Sembilan: Memerintah Khadam-Khadam Atau Orang Gaji
Pelajaran Yang Ketiga Puluh: Tadbir dan Cermat
Pelajaran Yang Ketiga Puluh Satu: Pekerjaan Tangan

**Sumber:** Ahmad bin Ya’qub Al-Johori. (2017). *Kitab Adab Perempuan*. Kuala Lumpur: Akademi Jawi Malaysia.

Bagi sorotan kajian, masih belum ada mana-mana kajian yang sama dengan isu yang ingin dibincangkan ini. Kebanyakan pengkaji yang telah menghasilkan kajian mengenai golongan wanita Johor hanya tertumpu kepada soal institusi pendidikan untuk golongan wanita di samping hal ehwal berkaitan masalah sosial golongan tersebut. Pengkaji seperti Rahimah Abdul Aziz (2009), Muhammad Izuan Abdul Rahman (2014) dan Siti Zahrah Mahfood (2018) hanya menumpukan perbincangan kepada pembentukan sistem pendidikan dalam kerajaan Johor untuk golongan wanita di samping persoalan hak-hak sosial. Bagi Mahani Musa (2020) pula, tumpuan kajian beliau adalah ke atas isu pelacuran yang melibatkan golongan wanita Johor dalam tempoh sebelum Perang Pasifik manakala Abu Talib Ahmad (1998) pula memfokuskan perbincangan wanita dalam isu penceraian sewaktu pendudukan tentera Jepun. Keadaan ini mewujudkan kekosongan terhadap kajian mengenai karya penulisan oleh Ahmad Ya’qub al-Johori mengenai pendidikan wanita. Justeru, dengan adanya kekosongan tersebut, kajian ini cuba untuk menyediakan satu perbincangan khusus terhadap

karya beliau yang dilihat penting kerana hasil penulisannya menjadi rujukan kepada murid-murid perempuan terutamanya dalam tahun 1920-an dan 1930-an di peringkat sekolah agama Johor.

### Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis idea pendidikan oleh Ahmad bin Ya’qub Al-Johori untuk golongan perempuan melalui buah karyanya, *Kitab Adab Perempuan Juzuk Yang Pertama* dan *Kitab Adab Perempuan Juzuk Yang Kedua*. Idea-idea pendidikan tersebut akan dihujahkan sebagai satu inti pati penting dan terbukti apabila idea tersebut diterima sebagai kandungan bagi sukanan mata pelajaran untuk golongan perempuan dalam sekolah agama Johor. Kajian ini juga kemudiannya akan mengemukakan tahap-tahap dan bab-bab pendidikan untuk golongan perempuan selaras dengan kandungan idea Al-Johori yang turut diperkuat dengan sokongan daripada kenyataan dokumen-dokumen primer dari Arkib Negara Malaysia Cawangan Johor.

## Metodologi Kajian

Untuk kajian ini, kaedah kualitatif akan digunakan bagi menganalisis hasil tulisan oleh Ahmad Ya'qub al-Johori mengenai pendidikan wanita. Dengan itu, dua karya beliau yang bertajuk *Kitab Adab Perempuan* dan *Kitab Adab Perempuan Juzu' Yang Pertama* akan dijadikan rujukan utama dalam kerangka analisis. Karya-karya ini merupakan hasil terbitan semula oleh Akademi Jawi Malaysia pada tahun 2017 dan 2018. Bagi menghasilkan satu huraian yang lebih objektif dalam bidang sejarah, sumber-sumber primer daripada Arkib Negara Johor turut digunakan bagi menyokong kandungan dalam idea penulisan oleh Ahmad Ya'qub Al-Johori. Dokumen-dokumen seperti J/UG7, J/KAD2 dan fail Jabatan Agama Islam Johor telah dianalisis, diolah serta disusun untuk membentuk naratif perbincangan yang berkaitan dengan konteks kajian. Hal ini penting kerana, sumber-sumber arkib itu merupakan sumber sezaman seiring dengan penerbitan kali pertama untuk karya Ahmad Ya'Qub al-Johori dalam tahun 1920-an dan 1930-an. Pada masa yang sama, perbincangan turut disokong dengan sumber sekunder lain yang terdiri daripada tesis, buku-buku dan tidak terkecuali kajian jurnal.

Untuk kedua-dua buah karya Al-Johori yang akan dianalisis dalam kajian ini, penulisan berkenaan telah dihasilkan oleh beliau dalam dekad-dekad awal kurun ke-20 sebelum Perang Dunia Kedua. Menerusi kajian berkenaan, sememangnya tidak dinafikan masih ada perkara-perkara yang dianjurkan supaya golongan perempuan perlu mendalamai urusan rumah tangga seperti yang lazimnya ditekankan pada masyarakat ketika itu. Seperkara lagi, idea-idea yang termuat dalam penulisan Al-Johori bukanlah untuk menganjurkan atau menyediakan golongan perempuan pada masa tersebut untuk memperoleh kerjaya di luar bidang pengurusan rumah tangga seperti yang terlihat dalam kandungan pendidikan pada hari ini. Namun begitu, terdapat sisisi penting daripada segi ilmu pengetahuan yang ingin difokuskan dalam kajian ini bagi memperlihatkan usaha Al-Johori untuk membawa pembaharuan kepada golongan perempuan melalui kesedaran pendidikan. Idea-idea beliau terlihat menerusi sub-sub perbincangan yang mencakupi soal kemajuan akal, kesedaran agama dan pembentukan adab diri yang secara tidak langsung dapat menjadi panduan kepada pembentukan diri perempuan yang lebih baik. Idea-idea daripada Al-Johori ini setidak-tidaknya berupaya membawa perubahan meskipun seruan tersebut tidaklah radikal sepertimana seruan pendidikan dalam konteks sezaman pada masa itu.

## Dapatkan dan Perbincangan

Bagi menjelaskan perkembangan pendidikan untuk golongan wanita di Johor, hal tersebut perlulah ditinjau dalam konteks yang lebih luas dengan melihat keadaan Tanah Melayu itu sendiri secara umum. Pada dua dekad pertama kurun ke-20 misalnya, seruan untuk mengangkat kedudukan wanita dalam ruang pendidikan dan sosial sememangnya hangat disuarakan. Seruan berkenaan datang daripada Kaum Muda yang terdiri daripada individu seperti Syed Syaikh Al-Hadi, Syeikh Tahir Jalaluddin dan beberapa individu lain sama ada mereka yang mendapat pendidikan dari Timur Tengah, Kepulauan Hindia Belanda, mahupun lepasan sekolah Inggeris (Kamarul, 2018). Setiap daripada mereka terutamanya Syed Syaikh al-Hadi lantang menyuarakan perihal pentingnya pendidikan untuk golongan wanita melalui saluran penulisan seperti Majalah al-Imam dan tidak terkecuali daripada penulisan kreatif seperti novel Faridah Hanum. Menerusi penulisan beliau dari kitab Alam Perempuan, Al-Hadi (2019) menyebutkan bahawa:

Tetapi hanyalah kehendak al-Ikhwan memberi perempuan-perempuan itu kebebasan di dalam had sempadan yang dibenarkan oleh Allah dan RasulNya sehingga tiada tersekat mereka itu daripada belajar segala perkara yang wajib ke atas mereka itu bagi menyempurnakan kewajipannya di dalam perhimpunan qawmnya pada ketika itu menjadi isteri dan ibu anaknya kerana ibu itulah guru sekolah yang pertama bagi anak-anak manusia di dalam 'alam ini dan di dalam segala perhimpunan tiap-tiap suatu qawm.'

Berdasarkan kenyataan daripada Al-Hadi di atas, terdapat tiga perkara penting yang disebutkan oleh beliau yang terkandung dalam tiga perkataan kunci iaitu kebebasan dan belajar di samping guru. Untuk keadaan sosial golongan wanita itu sendiri, mereka seharusnya diberi kebebasan tanpa sebarang kongkongan selagi tidak melampaui batas-batas yang telah digariskan dalam Islam seperti yang dituntut oleh Allah SWT. Kebebasan ini memperlihatkan bahawa perlunya golongan wanita itu diberi peluang dalam memajukan hidupnya dengan peluang dan hak ke atas pendidikan seperti yang diperoleh oleh golongan lelaki. Hal ini kemudiannya membawa kepada keperluan bagi golongan wanita untuk belajar segala jenis ilmu bagi melengkapkan diri mereka dalam menjadi guru kepada anak-anak dalam sebuah rumah tangga. Tanpa kebebasan untuk belajar apa-apa kemahiran dan pengetahuan adalah mustahil untuk seseorang wanita itu menjadi guru bagi membangunkan institusi kekeluargaan yang menjadi komponen penting dalam sebuah masyarakat.

Idea untuk menggesa supaya golongan perempuan mendapat hak pendidikan pada kurun ke-19 hingga awal kurun ke-20 telahpun mula di Mesir. Hal ini

terbukti melalui penerbitan majalah berkaitan wanita di Mesir khususnya majalah *al-Fatat* oleh Hind Nawfal pada tahun 1892. Permulaan abad ke-20 menyaksikan penerbitan beberapa buah majalah wanita lain di Mesir seperti penerbitan Fatat al-Sharq (1906-1939) oleh Labibah Hashim dan penerbitan *al-Jins al-Latif* (1908-1925) oleh Malakah Sa'ad (Abu Hanifah, 2019). Usaha untuk mewujudkan ruangan khas bagi golongan wanita telah diteruskan oleh satu lagi majalah terbitan pelajar Melayu di Mesir iaitu *Pilehan Timoer* dengan penyediaan “Ruangan Wanita” sejak bilangan pertama (Oktober, 1927). Tindakan awal yang dicetuskan *Seruan Azhar* dan *Pilehan Timoer* bagi mewujudkan ruangan khas untuk golongan wanita kemudian telah diteruskan oleh majalah Melayu di Tanah Melayu seperti *Majallah Guru*, *Pengasoh* dan *al-Hikmah* (Abu Hanifah, 2019). Perkara ini menunjukkan bahawa perhatian terhadap golongan wanita semakin mendapat tempat dalam media cetak seiring dengan perubahan pada masa itu. Kesempatan ini ternyata penting bagi membela dan mengetengahkan hak golongan perempuan dalam pendidikan setelah sekian lama perkara tersebut diketepikan oleh pihak-pihak tertentu mahupun kongkongan adat yang bersifat konservatif.

Penggerak kepada seruan supaya golongan perempuan menerima pendidikan pada dasarnya telah disuarakan oleh Qasim Amin, salah seorang pemikir Islam di Timur Tengah pada masa itu. Impak daripada usaha beliau ternyata cukup signifikan selepas terhasilnya dua buah penulisan untuk golongan perempuan iaitu *Al-Mar'ah al-Jadidah (The New Woman)* dan *Tahrir Al-Mar'ah (The Liberation of Woman)* (Peterson, 1992). Kedua-dua teks tersebut telah menggegarkan dunia Islam dan seruan ini telah tersebar hingga ke dunia Melayu bahkan buah fikiran daripada Qasim Amin masih mendapat tempat dalam kalangan pemikir moden hari ini. Buktinya, salah seorang daripada pemikir dalam bidang emansipasi wanita iaitu, Fatema Mernissi (2011) yang menyebutkan bahawa, “*Qasim Amin dismissed as idiotic theories, the notions that women do not have the same capacity and intelligence as men.*” Pengakuan daripada pemikir kontemporari mengenai gagasan idea Qasim Amin sememangnya mempunyai asas kerana seruan perubahan yang dilaungkan oleh Qasim Amin benar-benar bertujuan untuk mengangkat kedudukan golongan perempuan pada masa itu. Antara kenyataan daripada Qasim (2004) mengenai perkara ini:

*Who do you understand a woman to be? Like a man, she too is a human being. Her body and its functions, her feelings, and her ability to think are the same as a man's. She has all the essential human traits, differing only in gender. The superior physical and intellectual strength of men can be best explained by considering the past, when for many generations men have been*

*involved in the world of work and in the pursuit of intellectual activities.*

Kenyataan daripada Qasim di atas, tidak lain hanyalah untuk cuba memecahkan dominasi golongan lelaki dalam bidang ilmu pengetahuan sejak sekian lama. Kedudukan dan kekuatan seseorang perempuan telah diperakui oleh beliau sebagai satu perkara yang sama dengan pihak lelaki dan yang berbeza hanyalah dari segi klasifikasi jantina. Seruan ini kemudiannya turut dibawa oleh Syeikh Al-Hadi ke Tanah Melayu apabila idea-idea Qasim Amin diadun dan dirumuskan dalam penulisan beliau khususnya Kitab Alam Perempuan. Dalam satu kenyataan Al-Hadi (2019) membuat satu pengakuan dan mempersoalkan masyarakat Melayu ketika itu:

Dan ibunya itu ialah sebesar-sebesar guru yang sangat berkuasa di dalamnya pada menyemaikan benih tiap-tiap kebajikan kehidupan yang sempurna di dalam dada anaknya itu. Maka jika ibunya itu bodoh tiada mempunyai pengetahuan melainkan pengetahuan memasak dan bersanggul sahaja, bagaimanakah ia hendak menjadi guru anaknya itu bagaimana yang dikehendaki.

Perkara yang dikemukakan oleh Al-Hadi itu sememangnya lantang dan menggugat golongan masyarakat yang masih konservatif. Masyarakat Melayu sewaktu Al-Hadi menghasilkan penulisannya masih lagi terikat dengan adat dan sistem patriarki yang menyekat hak-hak golongan perempuan. Pastinya perkara ini sukar untuk diubah dalam sekilip mata tetapi perlu dilihat sebagai satu usaha kesedaran dalam mengubah pandangan hidup serta amalan masyarakat yang berkaitan dengan golongan perempuan itu sendiri. Justeru, perkembangan ini kemudiannya di sambut baik oleh golongan wanita dalam kerajaan Johor itu sendiri apabila muncul individu, persatuan-persatuan dan media-media cetak tertentu dalam mengangkat isu pentingnya pendidikan untuk golongan wanita pada masa itu.

Dalam hal ini, individu seperti Zainun binti Sulaiman atau lebih dikenali sebagai Ibu Zain telah memainkan peranan penting dalam soal emansipasi wanita untuk mendapatkan hak pendidikan. Perkara tersebut telah disuarakan melalui tertubuhnya persatuan seperti Persekutuan Guru-guru Perempuan Melayu Johor pada tahun 1930 di samping penerbitan majalah Bulan Melayu sebagai saluran untuk artikulasi hak pendidikan bagi golongan wanita. Keadaan ini selari dengan usaha pihak kerajaan Johor yang pada masa itu telah berusaha menubuhkan sekolah-sekolah yang tidak meminggirkan kanak-kanak perempuan untuk sama-sama mendapat pendidikan seperti yang diterima oleh kanak-kanak lelaki. Selain itu, peluang dan ruang pendidikan untuk

kanak-kanak perempuan Johor turut diperuntukkan oleh institusi agama terutamanya menerusi Majlis Agama Islam Johor (MAIJ) yang diterajui oleh mufti kerajaan Johor itu sendiri. Mata pelajaran untuk kanak-kanak perempuan turut diberi penekanan di samping buku-buku mengikut keperluan kanak-kanak terlibat. Disinilah hasil penulisan Ahmad Ya'qub al-Johori mendapat tempat sebagai bahan pendidikan pada masa itu.

Bagi Ahmad bin Ya'qub al-Johori, pembentukan murid-murid perempuan tidak terhad kepada soal ilmu rumah tangga semata-mata bahkan turut melibatkan pembentukan peribadi kanak-kanak perempuan tersebut. Perkara ini perlu difahami dalam konteks pada masa itu kerana masyarakat berpendirian bahawa kanak-kanak perempuan dan golongan wanita hanya layak menguruskan hal ehwal rumah tangga seperti yang lazimnya diamalkan secara turun-temurun. Pendidikan kepada golongan wanita menjadi satu yang asing sama sekali meskipun pihak kerajaan dan persatuan-persatuan tertentu telah menyeru supaya kanak-kanak diantar untuk bersekolah menerusi institusi pendidikan yang telah disediakan. Untuk memastikan perkara ini terlaksana, pemerintah kerajaan Johor telah mewajibkan ibu bapa untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah dan sekiranya mereka gagal berbuat demikian, maka ketetapan denda telah dibuat untuk perkara tersebut (J/SUK 1 SS 816/29, 1929). Di pihak Al-Johori (2018) pula, peri pentingnya pendidikan untuk golongan wanita ini disebutkan sebagai:

Bahawasanya mengajar sekalian kanak-kanak perempuan itu ialah suatu fardu yang lazim dan perkara yang mustahaq sekali bagi sekalian ummat... Bahawa mengasuh kanak-kanak perempuan itu ialah mengajar, dan menolong pada menambahkan kebajikan rumah tangga, dan meluaskan kawasan pengetahuannya yang bergantung kewajipan atasnya, hingga ia menjadi seperti guru betul-betul dan ber'amal dengan tiada keluar daripada kawasan rumah tangga, kerana adalah kanak-kanak perempuan itu akan datang menjadi seorang ibu dan penghulu rumah tangga, padahal ibu itulah jua batu yang dibahasakan asas bagi qawm qarabat dan anak buah.

Melalui kenyataan tersebut, pendirian daripada Al-Johori adalah selari dengan pandangan yang dinyatakan oleh al-Hadi dan Amin yang dinyatakan sebelum ini. Beliau turut menyifatkan pendidikan untuk golongan wanita itu sebagai 'fardu' dan 'mustahak' yang menggambarkan bahawa hak pendidikan untuk golongan wanita itu perlu diberikan lebih jauh daripada itu. Al-Johori turut menyebutkan bahawa seorang wanita itu adalah batu asas dalam pembentukan dan

pembinaan sesebuah keluarga. Secara tersiratnya, golongan wanita yang menjadi batu asas inilah kemudiannya dapat melahirkan sebuah keluarga yang menepati kefungsian sosialnya yang dapat memberi manfaat kepada masyarakat dan kerajaan Johor. Suara daripada al-Johori ini pada asasnya selari dengan dasar yang dibuat oleh pihak pemerintah pada masa tersebut. Hal ini terbukti melalui satu pekeliling pendidikan mengenai sekolah agama yang telah dikeluarkan serta diperakui oleh Yang Dipertuan Agama Islam Johor pada tahun 1936. Menerusi pekeliling tersebut, peluang dan ruang pendidikan untuk kanak-kanak perempuan dalam kerajaan Johor disebutkan sebagai:

Adalah sekolah-sekolah agama kerajaan dalam Johor dan daerahnya diadakan kerana tempat pelajaran agama Islam maka jawatankuasa pegawai dan guru-guru yang menjalankan ajarannya di bawah tadbir yang dipertua jabatan agama dan ahli-ahli jawatankuasa pelajaran agama Johor dan segala yang berkaitan dengan tadbir menjalankan kerja-kerja dan gaji dikelolakan oleh pemeriksa sekolah di bawah jagaan tuan pengawas pelajaran. Maka adalah pegawai dan guru-guru itu ialah pemeriksa seguru pasukan, seguru besar dan guru penolong dengan kerjanya bersusun seperti dibutirkan di dalam aturannya ini... (J/UG7 164/36, 1916-1936).

Dalam konteks ini, kenyataan tersebut bukanlah satu retorik dasar semata-mata tanpa sebarang pelaksanaan yang spesifik. Hal ini terbukti apabila perihal mengenai murid-murid perempuan pada masa itu diperincikan dengan jelas bagi menghasilkan suasana dan mutu pendidikan yang baik bagi membentuk batas pergaularan, murid-murid perempuan yang bersekolah dalam sekolah agama bersama-sama dengan murid lelaki perlulah diasing kedudukannya dengan meletakkan murid-murid perempuan di barisan hadapan. Murid-murid perempuan itu juga telah ditetapkan dengan pakaian yang menutup aurat dan sopan di samping perlu memakai tudung selaras dengan etika pemakaian dalam Islam (J/UG7 164/36, 1916-1936). Penyediaan ruang pendidikan seumpama ini membolehkan murid-murid perempuan menjalani pendidikan dengan batas-batas sosial yang dapat memberi manfaat kepada mereka untuk belajar dalam persekitaran positif. Justeru, suasana yang timbul itu membolehkan murid-murid perempuan belajar akan kandungan mata pelajaran di samping pengaplikasian isi kandungannya terutama perkara berkaitan adab seperti yang akan dijelaskan selepas ini. Lebih penting apabila perbincangan akan meliputi ruang analisis terhadap kandungan penulisan oleh Al-Johori seperti yang telah disebutkan dalam bahagian pengenalan sebelum ini.

## Pengenalan Kitab Adab Perempuan Juzuk Yang Pertama di Peringkat Sekolah Agama Johor.

Kemunculan kitab Adab Perempuan juzuk Pertama dan Kedua dalam tempoh 1920-1930-an adalah penting bagi menambahbaik kualiti pendidikan kepada golongan perempuan. Penulisan yang dibuat oleh al-Johori sendiri telah mencerminkan kesedaran masyarakat bahawa pentingnya pendidikan kepada golongan perempuan bagi menghasilkan kehidupan yang lebih baik terutama dalam konteks ruang sosial pada masa itu. Perlu diperhatikan bahawa tempoh kurun ke-19 dan awal kurun ke-20, masyarakat Melayu khususnya di Johor masih tidak memiliki kesedaran secara meluas tentang peri pentingnya pendidikan untuk golongan perempuan. Perkara ini ditegaskan oleh Maharaja Abu Bakar melalui suratnya yang bertarikh 29 Oktober 1887 kepada Sir Cecil C. Smith dengan kenyataan, “.... *It would be a great pity to have to close it (Teluk Belanga Girl's School), but... the children... have mostly attained an age at which the delicacy of the Malay custom forbids them to go out*” (*State Secretariat Letterbook, 1885-1893*).

Melalui kenyataan dalam surat Maharaja Abu Bakar itu, keadaan masyarakat dalam kerajaan Johor sememangnya masih tidak biasa dengan suasana pendidikan. Masyarakat yang hidup pada masa itu masih lagi menganggap perempuan ataupun wanita perlu menumpukan terhadap soal rumah tangga dan perkara ini memperlihatkan wujudnya keterikatan dengan adat sedia ada. Walau bagaimanapun, keadaan tersebut berubah secara perlahan apabila pemerintah kerajaan Johor sendiri melaksanakan dasar pendidikan untuk diikuti oleh masyarakat. Bukti, wujud sekolah-sekolah lelaki dan juga sekolah-sekolah perempuan untuk kanak-kanak dalam kerajaan Johor tidak kira samada mereka yang tinggal di bandar maupun kawasan kampung. Kemunculan sekolah ini tadi disemarakkan lagi dengan galakan kerajaan untuk membawa masuk bahan-bahan rujukan berkaitan dengan soal-soal agama ataupun kehidupan sosial di samping gesaan daripada ketua-ketua kampung kepada ibu bapa supaya menghantar anak-anak ke sekolah agama (J/SUK 1 SS 816/29, 1929). Menjelang tahun 1934 misalnya, telah wujud usaha-usaha untuk menterjemah karya-karya yang berbahasa Arab oleh institusi agama di Johor seperti kitab kitab *Matla' il Badrin* untuk dimuatkan ke dalam sukaian pelajaran sekolah agama (J/UG 7 149/35, 1916-1936). Terdapat juga individu seperti Abdu'llah Abdu'r- Rahman Al-Johori yang telah menterjemah karya Rashid Rida khas untuk golongan wanita dalam kerajaan Johor (2017). Pejabat kadi di setiap daerah dalam kerajaan Johor turut mempergiat agihan bahan bacaan Majalah Ahkam Johor untuk kegunaan imam-imam di setiap kampung dan masyarakat setempat. Dengan itu, suasana yang lebih mesra dengan ilmu pengetahuan telah diwujudkan

secara perlahan-lahan bagi kepentingan masyarakat pada masa itu dan pada kesempatan inilah karya penulisan Ahmad Ya'qub Al-Johori mulai dapat tempat.

Bagi kitab Adab Perempuan Juzuk Pertama, al-Johori telah menghimpunkan idea-idea pendidikan untuk golongan perempuan dengan mencakupi aspek akhlak, ibadat dan tauhid selaras dengan keperluan pengetahuan. Sebanyak 30 bab telah diperuntukkan untuk perkara-perkara berkenaan yang meliputi adab dengan ibu bapa, saudara-saudara, masyarakat, guru-guru dan adab berhias diri. Lebih menarik apabila adab dengan agama turut digariskan oleh Al-Johori melalui tuntutan supaya golongan perempuan mendalamai asas-asas rukun Islam dan rukun iman dalam pegangan hidup. Hal ini penting untuk menguatkan akidah dan memperkuuh ilmu syariat bagi mendepani persoalan munculnya perkara yang bertentangan dengan ajaran Islam ketika itu (J/KAD2 129/28, 1916-1937). Kepentingan terhadap mendekatkan diri kepada Allah S.W.T. turut ditekankan kepada kanak-kanak seawal usia tersebut dan perkara ini disebutkan oleh al-Johori (2018, 105) dalam kenyataan:

Dalil kasih kepada Allah – *Subhanahu wa Ta'ala* – itu menjunjung akan segala titah perintahNya, iaitu dikerjakan tiap-tiap barang yang dititahkanNya akan dikau mengerjakannya, dan menjauhkan tiap-tiap barang yang ditegahNya akan dikau memperbuatnya supaya kamu menjadi perempuan yang amat bahagia di dalam dunya dan akhirat.

Melalui kenyataan tersebut, perincian supaya golongan perempuan mengikut garis panduan Islam telah ditekankan menerusi penulisan oleh Al-Johori. Seruan supaya dilaksanakan segala tuntutan kebaikan dan ditinggalkan perkara-perkara yang ditegah turut menjadi sebahagian daripada mesej untuk murid-murid perempuan itu sendiri. Jika diteliti, tuntutan ini adalah bersesuaian untuk murid-murid perempuan seawal usia mereka Darjah Satu dan Darjah Dua supaya proses pembentukan peribadi dapat diperbuat dengan lebih berkesan. Persoalan mengenai kebahagiaan dunia dan akhirat turut dinyatakan agar murid-murid yang mengikuti waktu dan kandungan pembelajaran dapat ditanamkan dengan nilai pendidikan seimbang antara dunia dan akhirat. Dalam konteks idea moden, perkara tersebut selari dengan konsep *ta'dib* yang disuarakan oleh sarjana seperti Syed Muhammad Naquib Al-Attas (2013). Pendidikan itu juga diterima dalam erti kata pembentukan sahsiah individu yang jelas akan tujuan pendidikan di samping pembentukan sahsiah diri murid itu sendiri.

Penekanan ke atas peri pentingnya ilmu dalam karya Al-Johori berulang kali ditekankan untuk menjadi perhatian kepada golongan perempuan. Al-Johori

(2018) telah menyeru kepada perkara tersebut dengan kata-kata:

Hai perempuan-perempuan yang ber'aqal, wajiblah kamu berjalan ke sekolah tiap-tiap pagi, supaya memperoleh segala 'ilmu yang manfa'at dan 'ilmu pekerjaan tangan, supaya kamu menjadi perempuan yang *berperangai baik* dan berguna kepada qawm bangsa kamu.

Untuk itu, adab dengan guru telah ditekankan oleh Al-Johori (2018) supaya dipatuhi oleh murid-murid perempuan daripada segi perlakuan sewaktu di dalam kelas, kesopanan sewaktu pembelajaran berlangsung dan adab sewaktu bertanya serta menjawab soalan-soalan daripada guru. Perkara ini sememangnya perlu ada pada diri setiap pelajar tidak kira lelaki ataupun perempuan yang mengikuti sebarang proses pengajaran serta pembelajaran di sekolah. Dalam sejarah intelektual dunia Islam misalnya, soal adab ini ditekankan dan diberi keutamaan oleh sarjana seperti imam Hanafi, tatkala proses penyampaian ilmu itu berlangsung. Lanjutan daripada itu, adab-adab dengan guru turut diperkemas dengan adab sesama murid yang menjadi sebahagian daripada ruang sosialisasi murid-murid perempuan. Tanpa penekanan dan perhatian kepada soal adab ini, pastinya keseimbangan dalam membentuk kualiti diri murid-murid perempuan itu tidak dapat dicapai kerana adab yang baik berfungsi sebagai perhiasan diri seorang individu.

Persoalan mengenai sains pemakanan turut dimuatkan dalam karya Al-Johori untuk dipelajari oleh murid-murid perempuan di sekolah pada masa itu. Pendedahan ini diberi atas sebab perlunya diri setiap individu bagi memilih dan mendapatkan makanan serta minuman yang baik untuk kesihatan. Al-Johori turut menyuarakan perihal pentingnya murid-murid perempuan supaya memilih makanan yang sesuai dengan perubahan cuaca seperti pengurangan makanan berlemak sewaktu musim panas di samping memperbanyak buah-buahan dan sayur-sayuran untuk kesihatan tubuh. Minuman seperti teh dan kopi turut disebutkan oleh al-Johori supaya diambil dalam kuantiti yang sewajarnya manakala minuman air kosong dituntut supaya diperbanyak untuk kesegaran. Pengambilan kuantiti air yang mencukupi dan makanan-makanan berkhasiat dapat membantu murid-murid perempuan memahami gizi pemakanan sehari-hari dalam usaha perolehan tenaga, sistem penghadaman mahupun kecerdasan fikiran. Persoalan tentang pemakanan ini tampak klise dan biasa dalam konteks hari ini tetapi perkara tersebut adalah satu yang bermakna untuk lingkungan masyarakat dalam kerajaan Johor ketika itu.

Usaha daripada Al-Johori itu pastinya tidak memberi makna tanpa sokongan daripada pihak pemerintah

mahupun institusi yang berautoriti ketika itu. Pejabat Agama Islam Johor misalnya telah menyediakan akses pendidikan untuk golongan perempuan terutama di kawasan kampung-kampung bagi memperoleh ilmu pengetahuan, guru-guru yang mengajar murid-murid perempuan di Sekolah Agama Johor telah diberi gaji menerusi peruntukan Baitul Mal yang menerima sumbangan daripada zakat, derma mahupun wakaf (J/UG 7 36/05, 1936-1946). Penyediaan upah dalam bentuk wang ini telah menjadikan guru-guru lebih bermotivasi dalam mendidik murid-murid pada masa itu terutama mereka yang sukar untuk dihubungi di bahagian pedalaman. Dalam hal ini, timbul persoalan bahawa apakah usaha yang dibuat oleh pihak pemerintah untuk lebih memudahkan akses pendidikan untuk murid perempuan di kawasan kampung? Bagaimanakah perkara tersebut dapat dilakukan untuk memastikan murid-murid perempuan di kawasan pedalaman menerima pendidikan? Persoalan tersebut hanya dapat dijawab apabila perkara berkenaan dirujuk kepada pejabat agama Islam Johor pada masa itu. Individu-individu berkelayakan yang bersedia menerima tanggungjawab untuk mendidik telah dihantar ke kampong-kampung tertentu untuk mengajar murid-murid perempuan dengan pengisian sukatuan pendidikan di sekolah-sekolah (Majlis Ugama 22/34, 1934). Tindakan ini mencerminkan keprihatinan pihak pemerintah dan institusi agama bagi memastikan murid-murid perempuan yang tinggal di kawasan pedalaman turut berpeluang memperoleh pendidikan. Tindakan tersebut turut menepati suara masyarakat yang menginginkan pendidikan agama terutama ilmu berkaitan Mazhab Syafie bagi keperluan anak-anak mereka (Majlis Ugama 8/33, 1933). Dalam konteks yang lebih luas, perkara ini selari dengan pandangan pemikir seperti Azhar Ibrahim (2019) yang memberi gambaran mengenai pendidikan dalam lingkungan masyarakat Melayu:

Termaklum bahawa institusi pendidikan yang satu-satunya merakyat dan menyebar luas, betapa dengan segala kekurangannya, adalah pendidikan agama yang ditawarkan oleh para ulama dan guru agama kepada rakyat Melayu terbanyak, baik di zaman feudal mahupun kolonial. Pendidikan atau literasi Melayu yang tidak terpisah dengan pendidikan agama Islam, sebelum wujudnya sistem persekolahan yang diperkenalkan sewaktu zaman penjajahan.

Melalui gambaran tersebut, masyarakat Melayu sememangnya telah mendapat sedikit pendedahan kepada pendidikan berteraskan agama. Pengisian ini dibuat bagi memastikan masyarakat Melayu itu sendiri mendapat pendidikan yang berkaitan ilmu Islam untuk pengamalan dalam kehidupan sehari-hari. Dalam konteks perbincangan ini, kerajaan Johor tidak terkecuali apabila turut memberikan penekanan terhadap peri-

pentingnya pendidikan berteraskan Islam untuk rakyat jelata. Hal ini selaras dengan Fasal 40 dan Fasal 57 Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor (J/PU 3, 1895) yang memakutkan agama Islam sebagai anutan pemerintah dan masyarakat Johor. Ruang politik dan sosial ini kemudiannya telah menyebabkan karya penulisan Al-Johori mendapat tempat dan menjadi bahan rujukan untuk sukan pelajaran sekolah Agama Johor.

### **Pengenalan Kitab Adab Perempuan Juzuk Yang Kedua dalam Sukatan Mata pelajaran Sekolah Agama Johor**

Selain itu, Al-Johori turut menghasilkan Kitab Adab Perempuan Juzuk yang Kedua untuk golongan perempuan di sekolah agama Johor ketika itu. Karya beliau ini kemudiannya diterima sebagai sebahagian daripada teks rujukan untuk murid-murid perempuan di sekolah agama Johor bagi mereka yang berada di peringkat Darjah Tiga dan Darjah Empat (J/UG 1, 1939). Tambah menarik, apabila karya yang mengandungi buah fikiran Al-Johori ini telah menerima perkenan daripada Sultan Sir Ibrahim Ibn al-Marhum Sir Maharaja Abu Bakar yang merupakan sultan kedua Johor moden daripada 1895 hingga 1959 (Al-Johori, 2017). Kitab Adab Perempuan Juzuk yang Kedua ini merangkumi pengisian ilmu pengetahuan berkaitan dengan ilmu pengurusan rumah tangga, yang dimulai dari awal perkahwinan, tanggungjawab antara suami dan isteri di samping perihal mendidik anak-anak. Al-Johori (2017) menegaskan perkara ini di bahagian mukadimah karyanya dengan kenyataan:

Maka sekarang aku menyatakan kepada engkau akan pelajaran-pelajaran yang sangat mustahaq bagi sekalian perempuan-perempuan muda pada mengetahuinya itu, kerana mereka itu kelak menjadi isteri, ibu, dan penghulu rumah tangga, kerana ialah asas yang teguh yang dibina di atasnya itu pada masa yang akan datang, maka iaitulah sebesar-besarnya pekerjaan yang patut disempurnakan kerana berkhidmatkan watan (tanah air) kemanusiaan.

Pengakuan tegas daripada al-Johori di atas menunjukkan bahawa pentingnya golongan perempuan yang berilmu dalam masyarakat. Peranan seorang perempuan itu tidak terbatas kepada penyediaan keperluan rumah tangga tetapi turut melibatkan peranan sebagai individu yang mencorakkan persoalan kemanusiaan untuk tanah air. Hal ini memberi isyarat bahawa golongan perempuan yang akan bergelar isteri dan ibu itu merupakan arkitek yang berperanan besar dalam merangka pengurusan rumah tangga lalu diterjemah dalam konteks masyarakat hasil individu yang dididik oleh mereka. Menerusi bab ketiga dan keempat, Al-Johori (2017) menekankan bahawa

pentingnya seorang perempuan memahami hak isteri ke atas suami serta pengetahuan terhadap hak suami ke atas isteri. Hal ini termasuklah persoalan berkaitan penyediaan nafkah oleh suami, perkara-perkara berkaitan kehendak isteri di samping perlunya seorang isteri mematuhi perintah suami selagi tidak bertentangan dengan garis Islam.

Al-Johori kemudiannya telah memperincikan panduan untuk suami dan isteri hidup secara melengkap antara satu sama lain. Beliau menggariskan peri pentingnya peranan suami yang mencari nafkah di luar rumah dengan kekuatan yang ada padanya dan dalam masa yang sama, seorang isteri berperanan membentuk pengurusan rumah tangga yang baik. Usaha daripada Al-Johori ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa keupayaan dan kekuatan antara golongan lelaki dan perempuan itu tidak ada bezanya kerana setiap daripada mereka mempunyai peranan dalam bahagian masing-masing. Idea ini bertepatan dengan catatan oleh sarjana dunia Islam, Abu Nasr Al-Farabi yang telah menyebutkan bahawa:

*... in the case of the faculty of sense, the faculty of representation and the faculty of reason male and female do not differ. Exterior objects produce impressions of sensibles within the auxiliary sensory faculties, the sensibles of the different kinds which are apprehended by the distinct five senses are then assembled in the ruling faculty of sense. It exercises its authority over them sometimes dissociating them from each other and sometimes combining them with each other, the combinations being many in kind and unlimited, some of them being false and some of them true (Walzer, 1985).*

Kenyataan oleh Al-Farabi dalam Al-Madinah Al-Fadilah itu misalnya, keberadaan golongan lelaki dan perempuan diperakui sebagai sesuatu yang banyak persamaannya. Dalam banyak keadaan, kedua-dua jenis manusia itu juga mempunyai kelebihan dan kekurangan masing-masing yang saling melengkapi antara satu sama lain. Pendirian ini kemudiannya selari dengan idea Al-Johori yang dinyatakan sebelum ini bagi memberi jawapan kepada persoalan tanggungjawab antara lelaki dan perempuan. Dari satu sudut, Al-Johori turut menekankan supaya seorang isteri itu perlu disediakan keperluan asas yang mencakupi tempat tinggal, makanan, pakaian, keselamatan dan penghargaan pada diri oleh pihak suami. Jika diperhalusi, pandangan Al-Johori ini selari dengan teori hierarki keperluan dalam ilmu sosiologi moden seperti yang diutarakan oleh Abraham H. Maslow (1959).

Lanjutan daripada itu, Al-Johori turut memuatkan ilmu pengetahuan berkaitan penjagaan anak-anak oleh golongan perempuan menerusi Kitab Adab Perempuan

Juzuk Yang Kedua. Hal ini dimulai dari tempoh kehamilan, waktu penyusuan di samping didikan pada anak-anak yang akan menuju dewasa. Seorang perempuan itu mestilah mengetahui perkara-perkara ini bagi memastikan proses pengasuhan anak-anak terlaksana dengan sebaiknya. Untuk ibu-ibu yang menyusukan anaknya, Al-Johori (2017) telah menggariskan panduan dari segi pengambilan makanan yang kaya dengan khasiat seperti buah-buahan, sayur-sayuran hijau, makanan berkanji untuk pembekalan tenaga di samping pengambilan susu sebagai sumber tenaga. Beliau turut menyatakan makanan-makanan yang tidak seharusnya diambil oleh golongan perempuan yang menyusukan anak-anak dari segi makanan yang pedas dan berempah mahupun buah-buahan yang tidak masak. Saranan sebegini tampak biasa dan sekadar pengetahuan umum jika diukur dengan skop pengetahuan pada hari ini tetapi maklumat ini amat berguna kepada golongan perempuan dalam konteks masa itu kerana saluran perolehan maklumat yang agak terhad. Justeru, penggunaan karya al-Johori untuk murid-murid perempuan dalam sekolah agama Johor begitu penting sebagai persediaan sebelum mereka ke alam rumah tangga yang kebanyakannya berlaku sewaktu usia mereka masih muda.

Di samping itu, Al-Johori turut memuatkan panduan untuk didikan atas anak-anak oleh golongan perempuan apabila mereka bergelar ibu. Idea tersebut termasuklah usaha-usaha untuk membawa anak-anak supaya beriadah dalam persekitaran yang sihat dan menyegarkan sama ada di tempat-tempat yang baik udaranya serta nyaman persekitarannya (Al-Johori, 2017). Al-Johori (2017) turut menggariskan perihal mendidik anak-anak melalui tulisannya, “ada kalanya denga suruh dan tegah semata-mata seperti raja pemerintah, dan ada kalanya dengan kasih sayang seperti sahabat yang dikasih.” Idea oleh Al-Johori ini menuntut supaya golongan perempuan mempelbagaikan pendekatan dalam mendidik anak-anak mengikut kesesuaian masa daripada segi waktu yang memerlukan ketegasan dan keadaan yang memerlukan pendekatan yang lembut. Hal ini penting bagi mempengaruhi dan membentuk emosi anak-anak supaya mereka dapat membezakan keadaan persekitaran yang dilaluinya sepanjang tumbesaran berlaku. Dalam konteks dunia moden, pendekatan didikan yang berkesan ini turut diperakui sebagai instrumen penting dalam mencorakkan psikologi kanak-kanak.

Dalam hal ini, ternyata Al-Johori berusaha sebaik mungkin untuk memuatkan idea pendidikan bagi golongan perempuan pada masa itu melalui penulisannya. Persoalannya, apakah usaha oleh Al-Johori itu benar-benar bermanfaat untuk keperluan keluarga dan masyarakat ketika itu? Hal ini boleh dijawab berdasarkan keperluan semasa ketika itu yang

menggalakkan golongan perempuan diberikan pendidikan sewajarnya sebagai isteri dan ibu dalam rumah tangga. Hal ini terbukti apabila perkara yang sama melalui penegasan yang dibuat oleh Syed Syeikh Al-Hadi:

Apabila kita ketahui bahawa adalah dada dan otak fikiran sekalian kanak-kanak itu seumpama qirtas yang sangat putih bersih, nescaya mengetahuilah kita bila-bila juga kita melihat akan seorang laki-laki itu bersungguh-sungguh pada menuntut kelebihan atau ketinggian atau sangat berusaha pada menuntut akan ‘ilmu, bahawa usaha dan tujuan kehendak itu hanya sanya tarbiyyah daripada lukisan yang dilukiskan oleh ibunya atau perempuan yang memeliharanya ke dalam dada dan otaknya yang sangat putih bersih... (Al-Hadi, 2019).

Berdasarkan petikan di atas, didikan daripada seorang isteri dan ibu yang berpengetahuan adalah penting untuk membentuk diri anak-anak. Analogi “qirtas putih” yang disebutkan oleh Al-Hadi itu menggambarkan bahawa perlunya seorang ibu yang bijak dalam mencorakkannya. Sejarah dengan itu, pengisian terhadap ilmu dan adab untuk golongan perempuan itu amat diperlukan bagi memperkuat penjagaan diri masing-masing. Hal ini berkait rapat dengan persikataran sosial ketika itu yang menunjukkan bahawa golongan perempuan terdedah dengan budaya pergaulan sosial yang negatif di samping risiko terdedah dengan kegiatan pelacuran (Mahani, 2020). Bagi kehidupan rumah tangga, pengisian ilmu pengetahuan untuk golongan perempuan diharapkan dapat mengelakkan diri mereka daripada konflik rumah tangga yang akan menyebabkan perlbagai masalah yang lebih rumit seperti masalah bersekutudukan dengan bukan ajnabi yang sering dilaporkan pada masa itu (Majlis Ugama 23/33 1933).

Dalam hal ini, usaha daripada Al-Johori sememangnya menepati tuntutan dan keperluan semasa bagi golongan perempuan di Johor. Lebih signifikan usaha berkenaan telah dibuat oleh seorang lelaki yang telah memikirkan betapa pentingnya pendidikan untuk golongan perempuan. Meskipun pada tempoh tersebut masyarakat di negeri Johor masih terikat dengan soal patriarki, tetapi al-Johori telah memilih usaha yang lebih menongkah arus ketika itu. Setidak-tidaknya kehadiran al-Johori dan idea pendidikan untuk perempuan-perempuan Johor bukan sahaja diterima oleh pihak pemerintah bahkan golongan perempuan di Johor dapat memperoleh ilmu pengetahuan yang sewajarnya untuk mereka.

## Kesimpulan

Kesimpulannya, tempoh kemunculan idea pendidikan untuk golongan perempuan daripada Ahmad Ya'qub al-Johori sememangnya tepat pada masanya ketika itu. Idea pendidikan yang terkandung dalam kitab adab perempuan dalam juzuk pertama dan kedua merupakan wacana yang cukup bermanfaat untuk golongan perempuan di Johor sewaktu era pemodenan berlaku di negeri itu khususnya dalam tempoh sebelum Perang Dunia Kedua. Bab-bab berkaitan pengurusan diri, hal ehwal rumah tangga, adab-adab, etika pakaian dan sains pemakanan menjadi kandungan penting untuk disampaikan pada murid-murid perempuan di sekolah agama Johor. Usaha ini adalah selari dengan perkembangan sezaman apabila soal pendidikan untuk golongan wanita ini disuarakan oleh individu-individu yang ingin menggerakkan perubahan dan pembaharuan kerajaan Johor itu sendiri tidak terasing daripada semangat perubahan zaman ketika itu kerana pihak pemerintah turut melakukan dasar-dasar yang penting untuk memajukan masyarakat di Johor. Justeru, keberadaan Ahmad Ya'qub al-Johori dan idea-idea pendidikannya untuk golongan perempuan di Johor terbukti sebagai usaha yang seiringan dengan perubahan zaman bagi keperluan masyarakat.

## Rujukan

- Abdu'llah 'Abdu'r-Rahman Al-Johori. (2017). *Risalah Seruan kepada Jenis Yang Lembut Perempuan-Perempuan*. Kuala Lumpur: Akademi Jawi Malaysia.
- Abu Talib Ahmad. (1998). Marriage and Divorce in Johore among the Malay-Muslims during the Japanese occupation, 1942-45. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, Vol 71, No. 2, pp. 63-90, <https://www.jstor.org/stable/41493364>, accessed 1 April 2021.
- Ahmad bin Ya'qub Al-Johori. (2017). *Kitab Adab Perempuan*. Kuala Lumpur: Akademi Jawi Malaysia.
- Ahmad bin Ya'qub Al-Johori. (2018). *Kitab Adab Perempuan Juzu' Yang Pertama*. Kuala Lumpur: Akademi Jawi Malaysia.
- Al-Sayyid Shaykh bin Ahmad Al-Hadi. (2019). *Kitab 'Alam Perempuan*, Kuala Lumpur: Akademi Jawi Malaysia.
- Azhar Ibrahim. (2019). *Memikir-Ulang Tradisi untuk Pembaharuan*, Petaling Jaya: SIRD.

Abu Hanifah Haris. (2019). *Pengaruh Mesir Terhadap Masyarakat Melayu, 1906-1970*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Fatema Mernissi. (2011). *Beyond the Veil: Male-Female Dynamics in Muslim Society*, London: Saqi Books.

Kamarul Afendey Hamimi. (2018). *Kaum Muda Penggerak Kesedaran Kemerdekaan Tanah Melayu 1906-1957*, Ph.D Dissertation, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2018, [https://ir.upsi.edu.my/files/docs/2020/4495\\_4495.pdf](https://ir.upsi.edu.my/files/docs/2020/4495_4495.pdf), accessed 1 April 2021.

J/KAD2 129/28 1916-1937. Kathi Kota Tinggi dapat sebuah buku berisi dalamnya ilmu yang menyalahi daripada ilmu agama yang sebenar boleh membawa kufur, 3.10.28-20.10.28, Johor: Arkib Negara Malaysia Cawangan Johor.

J/PU 3. *Undang-undang Tubuh Kerajan Johor 1895*, Johor: Arkib Negara Malaysia Cawangan Johor.

J/SUK 1 SS 816/29: Pesuruhjaya, Ketua-ketua Kampong bagi setiap-setiap daerah hendaklah menguatkan anak-anak Islam belajar Sekolah Agama Johor, 1929, Johor: Arkib Negara Malaysia Cawangan Johor.

J/UUG 1. Penyata Sekolah Agama Johor dan Daerahnya bagi tahun 1939, Johor: Arkib Negara Malaysia Cawangan Johor.

J/UUG 7 36/05. Berkenaan dengan elauan guru kelas Ugama perempuan dibayar daripada Baitul Mal, Baitul Mal Johor bagi Tahun 1936-1946, Johor: Arkib Negara Malaysia Cawangan Johor.

J/UUG 7 149/35. Rundingan bagi Ajinda mesyuarat Pelajaran Ugama pada 6.4.34, Pejabat Ugama Johor, 1916-1936, Johor: Arkib Negara Malaysia Cawangan Johor.

J/UG7 164/36. Mengadakan Aturan yang dinamakan Peraturan Sekolah-sekolah Ugama Johor iaitu mengandungi pekerjaan murid-murid, guru-guru dll 28.3.36, Pejabat Ugama Johor, 1916-1936, Johor: Arkib Negara Malaysia Cawangan Johor.

Mahani Musa. (2020). Pelacuran dan Isu Bersekedudukan dalam Kalangan Wanita Melayu di Johor, 1930-an – 1950-an, *Jurnal JEBAT*, Vol. 47 (2), 47-77,

<https://ejournal.ukm.my/jebat/issue/view/1286>,  
accessed 1 April 2021.

Majlis Ugama 8/33. Pesuruhjaya Segamat membawa petition penghulu-penghulu dan Naib-Naib Wilayah Segamat minta tadbirkan dan menghaluskan (1) Berkenaan dengan mengehadkan dan menjalankan perkara-perkara yang berkenaan dengan shara' Mazhab Shafie supaya di perkara-perkarakan dalam mahkamah shariah (2) sekolah-sekolah Ugama supaya di bawah tadbir Jabatan Ugama, 26.12. 32, 1933, Johor, Malaysia: Arkib Negara Malaysia Cawangan Johor.

Majlis Ugama 23/33 1933. Kawalan atas perkara Sekedudukan (Berkhalwat laki-laki dengan perempuan Ijnabiah) kesalahan di bawah seksyen (4) undang-undang bilangan 25/19, 28.11.33-27.2. 34. Johor: Arkib Negara Malaysia Cawangan Johor.

Majlis Ugama 22/34, 1933. Minta bawakan rundingannya berkenaan pelajaran Ugama perempuan-perempuan yang di cerok-cerok supaya diberi tauliah kepada perempuan-perempuan oleh Kadhi Daerah, Johor: Arkib Negara Malaysia Cawangan Johor.

Maslow, A. H. (ed.). (2017). *A Theory of Human Motivations*, New York: Dancing Unicorn Books.

Muhammad Izuan Abdul Rahman. (2014). *Peranan Pemerintah dan Golongan Intelektual dalam Memperjuangkan Identiti dan Kedaulatan Johor, 1862-1957*, Tesis Sarjana, Universiti Sains Malaysia.

Qasim Amin. (2004). *The Liberation of Woman and The New Woman: Two Documents in the History of Egyption Feminism*, Samiha Sidhom Peterson (trans.), Cairo: The American University in Cairo Press.

Rahimah Abdul Aziz. (1997). *Pembaratan Pemerintahan Johor (1800-1945): Suatu Analisis Sosiologi Sejarah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Rahimah Abdul Aziz. (2009). *Perubahan dan Pembaratan Struktur Pentadbiran Negeri Johor*, in *Polemik Sejarah Malaysia*, vol. II, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

Siti Zahrah Mahfood. (2018). *Kedudukan Politik dan Sosioekonomi Masyarakat Melayu dalam Akhbar dan Majalah Terbitan Negeri Johor Sebelum Perang Dunia Kedua Kedua*. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Sains Malaysia.

*State Secretariat Letterbook, 1885-1893*. Sultan Abu Bakar kepada Gabenor Negeri-negeri Selat, 29.10.1887, Johor Bahru: Arkib Negara Malaysia Cawangan Johor.

Syed Muhammad Naquib Al-Attas. (2013). *Islam: Faham Agama dan Asas Akhlak*, Kuala Lumpur: IBFIM.

Walzer, R. (1985). *AL-Farabi on The Perfect State: A Revised Text with Introduction, Translation, and Commentary by Richard Walzer*, Oxford: Clarendon Press.